



## PENUTUP

## 5.1 Kesimpulan

Terengganu sejak dahulu lagi terkenal sebagai tempat pengajian ilmu keislaman. Di sinilah tempat lahir dan tumpuan pelajar-pelajar agama yang datangnya dari setiap pelusuk daerah dalam dan luar Terengganu. Sehingga kedatangan banyak sekali tumbuhnya institusi pengajian pondok di Terengganu, seperti di Pulau Duyung, Losong, Paloh, Bukit Bayas, Chabang Tiga dan banyak lagi tempat-tempat lain di luar Kuala Terengganu. Perkembangan intelektualisme dan pemikiran Islam di Terengganu sejak awal lagi dan lebih ketara di abad ke-18 dan abad ke-19 Masihi dengan lahirnya tokoh-tokoh ulama Terengganu yang berperanan besar bukan sahaja dalam bidang ilmunan tetapi juga dalam pentadbiran Negeri Terengganu. Di abad inilah Terengganu terkenal dan diberi berbagai-bagai nama jolokan yang menghubungkan antara negeri dengan sifatnya yang cinta kepada Islam dan ilmunya. Nama-nama jolokan itu seperti " Terengganu Darul-Salam " dan " Terengganu Darul-Iman" yang menunjukkan sifat negeri Terengganu yang sejahtera dengan penduduknya yang beriman. Terengganu juga pernah diberi nama jolokan sebagai "Serambi Mekah".

Perkembangan Islam di Terengganu terutama di abad ke-18 dan 19 Masihi adalah kesan dari peranan ulama-ulama yang ada ketika itu disam-

ping: wujudnya kecintaan ilmu di kalangan raja-raja Terengganu, seperti Sultan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III. Perkara inilah yang banyak membantu perkembangan Islam di Terengganu dan tradisi keilmuan Islam. Pengaruh ulama-ulama Islam di Terengganu diterima secara langsung oleh institusi istana dan secara tidak langsung diterima oleh rakyat. Kerana sejarah telah membuktikan bahawa penerimaan Istana terhadap Islam akan mempengaruhi rakyat keseluruhannya, seperti pengislama Parameswara yang kemudiannya diikuti secara beramai-ramai oleh rakyat jelata. Sejak itu Islam yang datang bersama ilmu telah mengangkat martabat masyarakat tempatan kepada masyarakat ilmunan. Dengan berkembangnya budaya ilmu yang dibawa oleh Islam, lahirlah beberapa tokoh ilmunan di kalangan masyarakat tempatan dan perkembangan ini disambut baik oleh pihak istana. Ulama-ulama ini dibantu memperkembangkan ilmu Islam kepada rakyat dengan memberi berbagai-bagai kemudahan seperti tanah dalam bentuk 'wakaf' dan sebagainya. Malah dengan sifat dan kealiman ulama-ulama ini, mereka telah diberikan kedudukan yang sewajarnya dalam pentadbiran oleh sultan-sultan yang memerintah di masa itu. Bermula sebagai penasihat baginda Sultan hingga menjadi pentadbiran seperti Mufti, Qadi dan sebagainya.

Antara tokoh-tokoh yang banyak mempengaruhi perkembangan Islam di Terengganu, terutama di abad ke-18 Masihi ialah Syeikh Abdul Malik (Tuk Pulau Manis) yang telah meninggal dunia pada tahun 1736 Masihi dan di abad ke-19 Masihi seperti Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas, Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd. Amin terkenal dengan panggilan Tok Syeikh

Duyung, Syed Mohamad bin Syed Zainal Abidin (Tuk Ku Tuan Besar), Tuan Haji Abdul Hamid Kuala Nerus dan lain-lain lagi.

Seperti juga lain-lain ulama yang lahir di Terengganu, Tuk Syeikh Duyung atau Haji Wan Abdullah bin Wan Mohd. Amin adalah juga antara ulama yang terkenal bukan sahaja dalam perkembangan tradisi keilmuan di Terengganu, tetapi juga terlibat dalam pentadbiran. Tuk Syeikh Duyung bukan seorang sahaja dari keturunan keluarga Pattani yang mempunyai pengaruh besar dalam perkembangan keilmuan dan pentadbiran di Terengganu, malah telah bermula sejak keluarga ini sampai di Terengganu sehingga ke hari ini seperti ayahanda beliau Tuk Syeikh Qadi, bapa sepupu beliau Tuk Syeikh Kadir Bukit Bayas dan seterusnya sampai kepada keturunan beliau yang ramai menjawat jawatan Qadi dan Mufti seperti cicit beliau Dato' Perba Diraja Haji Wan Abdul Rahman bin Long. Kalau diteliti ternyata bahawa keturunan beliau ini telah memainkan peranan penting dalam pentadbiran Terengganu dan mereka begitu rapat dengan pihak istana. Dalam soal ini jika diteliti ternyata adanya pertalian antara keluarga Pattani ini dengan pihak istana seperti yang terdapat dalam surat wasiat Tuk Syeikh Abdul Kadir kepada Sultan seperti berikut;

"...serta patek yang tua harapkan kepada kurnia kebawah Duli Tuanku Yang Maha Mulia menolong akan anak-anak patek itu jikalau ada orang yang hendak menganianyai dan menzalimi anak-anak patek itu, tetapi patek diharapkan Daulat Sa'adah Kebawah Duli Tuanku Yang Maha Mulia tiadalah sesiapa berani lagi menzalimkan anak-anak patek itu Insya Allah Taala selagi ada berkekalan Kerajaan Duli Tuanku Yang Maha Mulia bertambah pula Kebawah Duli Tuanku Yang Maha Mulia kurniakan Cop keterangan di atas kertas ini."


Wasiat<sup>1</sup> seperti di atas menunjukkan permintaan dan harapan beliau kepada Sultan supaya memberi perlindungan kepada keluarga beliau dari sebarang keburukan. Dari wasiat ini kemungkinan memberi kesan besar kepada sultan memberi perhatian kepada keluarga ulama Pattani ini.

Ketokohan Tuk Syeikh Duyung dalam bidang pendidikan menambahkan lagi bilangan ulama yang telah ada. Sumbangan beliau dalam bidang ke-ilmuan Islam terutamanya dalam Perundangan Islam telah mempengaruhi corak pemerintahan kerajaan Terengganu kepada pemerintahan bercorak Islam. Beliau menjadi sumber rujukan apabila timbulnya masalah-masalah terutama dalam masalah undang-undang Islam. Ketokohan beliau dan ulama-ulama selepasnya seperti Tok Ku Paloh dan lain-lain lagi telah meletakkan Terengganu sebagai negeri yang terawal perkembangannya dalam pentadbiran hukum-hukum syara'. Malah Terengganu menjadi contoh kepada berberapa buah negeri di semenanjung Malaysia dalam melaksanakan undang-undang Islam. Negeri Sembilan contohnya telah menghantar wakil-wakilnya ke Terengganu dan Kelantan untuk meninjau perkembangan pelaksanaan Enakmen Undang-undang Kekeluargaan Islam dan Kanun Acara Jenayah yang diamalkan di kedua-dua negeri itu. Terengganu dan Kelantan adalah negeri yang terawal melaksanakan enakmen itu.<sup>2</sup> Tidak hairanlah Terengganu sejak dahulu lagi terkenal dengan perkembangan Islam dan keilmuannya.

---

<sup>1</sup> Encik Omar bin Musa, "Syeikh Abd. Kadir Bukit Bayas", dalam Seminar Tokoh Islam Negeri Terengganu, Pada 27-29hb. Ogos, 1987, Anjuran Kerajaan Negeri Terengganu, hal. 33-34.

<sup>2</sup> Berita Harian, Khamis, 8 Februari, 1990 (12 Rejab, 1410), hal. 11.

Dalam bidang pendidikan sekurang-kurangnya Tuk Syeikh Duyung telah memperkayakan perbendaharaan ilmu-ilmu Islam dengan aktiviti penterjemahan dan penyalinan buku-buku Islam yang terkenal. Sekalipun beliau didapati tidak menghasilkan sebarang buku-buku, tetapi usaha beliau dalam memperkayakan jumlah buku-buku agama di Terengganu harus mendapat sanjungan. Kerja penterjemahan dan penyalinan adalah merupakan aktiviti-aktiviti penting dalam dunia pendidikan khususnya di zaman masyarakat tradisional yang belum berkembangnya kaedah cetak. Kaedah penterjemahan ini juga melahirkan ulama yang fasih di dalam bahasa Arab dan bahasa persuratan Melayu. Usaha-usaha penterjemahan dan penyalinan ini telah memperkayakan khazanah keilmuan Islam. Malah kitab inilah yang digunakan oleh pelajar-pelajar di pondok-pondok dan dijaga dengan baik dan kadang-kadang diwakafkan kepada guru-guru agama atau ulama-ulama seperti Kitab 'Majmu Musytamil Ala Ihda wa Arbaian Risalah' (  ).

Dalam method penyampaian kuliahnya, Tuk Syeikh Duyung memilih cara 'mendengar' dan 'menadah kitab'. Kedua-dua cara ini memberi peluang kepada semua orang sama ada yang tahu membaca atau pun yang tidak tahu membaca. Dua cara ini kemungkinan kesan dari cara beliau menuntut di Mekah dulu. Lagipun cara ini dapat mengeratkan hubungan antara murid dengan guru dalam bentuk 'halaqah'.

Suatu hal yang menarik dalam sejarah pendidikan ialah kesudian sultan-sultan Terengganu mencemar duli dengan sanggup menghadiri maj-

lis ilmu yang disampaikan oleh Tuk Syeikh Duyung di kediamannya yang terletak di Pulau Duyung Kecil. Hal ini tidak mungkin berlaku di abad sekarang kerana apa yang berlaku adalah sebaliknya, iaitu guru agama yang mengadap Sultan atau pemerintah berbeda dengan adab-adab menuntut ilmu yang sepatutnya dalam Islam.

Di samping sumbangan Tuk Syeikh Duyung dalam bidang kerohanian melalui pengajaran agama Islam, beliau juga terlibat dalam bidang pentadbiran atau sebagai seorang pegawai birokrat Negeri Terengganu. Beliau telah dilantik sebagai Mufti iaitu satu-satunya jawatan yang tertinggi di dalam pentadbiran agama Islam dan pentadbiran negeri pada masa itu. Beliau juga pernah dilantik sebagai Qadi, iaitu suatu tugas yang amat berat. Ini sudah tentu membuktikan beliau adalah orang yang alim dan berpengetahuan luas dalam perundangan. Rasulullah saw. tidak pernah melantik orang-orang yang menuntut jawatan Qadi untuk menjawat jawatan tersebut, lebih-lebih lagi jika sekiranya ia seorang yang lemah dan tidak berkemampuan untuk menegakkan kebenaran. Baginda pernah bersabda kepada Abu Bardah Ibn Abu Musa al-Ash<sup>c</sup>ari dan dua orang keluarganya;

" Demi Allah, kami tidak akan melantik seseorang yang menuntut jawatan ini untuk menjawat jawatan tersebut."

Selain dari itu baginda pernah menegaskan kepada Abu Zar al-Ghafari sewaktu ia memohon kepada Rasulullah agar ia dilantik sebagai Qadi baginda berkata kepadanya;

" Wahai Abu Zar, engkau seorang yang lemah. Tugas tersebut adalah suatu amanah. Di hari Qiamat kelak ia merupakan penghinaan dan penyesalan kecuali mereka yang menjawatnya dengan benar-benar dan menunaikan tanggungjawab yang ada padanya."

Selain dari itu baginda telah menegaskan secara umum dengan tujuan memberi nasihat dan pertunjuk, sabdanya;

" Sesiapa yang ingin menjadi qadi dan mendapatkan pertolongan untuk mendapatkan pertolongan untuk mendapatkannya, maka ia akan diwakilkan kepada dirinya. Sesiapa yang dipaksa untuk menjawatnya maka akan diturunkan malaikat untuk membetulkannya."

Ketokohan Tuk Syeikh Duyung dan luasnya pengaruh beliau menunjukkan beliau seorang tokoh yang derminan di zaman baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III. Sebelum menjadi Mufti beliau adalah seorang pembesar daerah dengan gelaran "Orang Kaya Duyung" iaitu ketika zaman Sultan Baginda Omar menjalankan dasar centralisasinya.<sup>4</sup> Begitu juga dengan tugas beliau sebagai 'diplomats' yang diutuskan ke Kelantan bagi menyelesaikan persengketaan atau Perang Besut 1874.

---

<sup>3</sup> Dr. Subhi Al-Saleh, "Politik dan Pentadbiran di Dalam Islam", terjemahan Prof. Madya Osman Haji Khalid, Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Kuala Lumpur, hal. 90-91.

<sup>4</sup> Apabila Baginda Omar menjalankan dasar centralisasinya semua jawatan dan gelaran pembesar daerah dihapuskan kecuali "Orang Kaya Duyung" dikekalkan kepada anak beliau Wan Ab. Kadir kemudiannya sehingga ke zaman Sultan Zainal Abidin III.



Ulama-ulama di abad ke-18 dan 19 dilihat begitu berpengaruh dalam pentadbiran sehingga mereka ini digolongkan ke dalam satu kelas yang khas selepas kelas Kerabat. Mereka ini menjadi penasihat kepada sultan dalam pemerintahan dan menjawat jawatan yang tinggi dalam pentadbiran kerana kelebihan mereka dalam berbagai ilmu keislaman. Mereka ini disifatkan oleh Muhamad Abu Bakar sebagai golongan yang istimewa.

"...ulama mendapat tempat yang tinggi bukan sahaja dalam susun-lapis masyarakat tetapi diberi kedudukan yang membolehkan mereka mendefinisikan perkembangan politik, ekonomi dan pelajaran. Perhubungan mereka dengan pemerintah telah turut sama menjadi faktor yang memastikan penglibatan yang meluas dan berkesan ini. Di peringkat bawah, seperti di kampung-kampung, ulama diberi penghormatan dan tempat yang tinggi, dan mereka dijadikan pakar rujuk, guru, pelindung dan sebagainya, sehingga mereka muncul sebagai institusi dalam masyarakat."

Ulama-ulama ini telah diberi gelaran-gelaran yang menunjukkan kepentingan dan ketokohan mereka seperti gelaran "Syeikhul Ulama" diberikan kepada Tuk Syeikh Duyung dan gelaran "Syeikhul Islam" kepada Engku Sayyid Paloh kerana khidmat mereka yang besar dalam bidang keagamaan dan pentadbiran. Ulama-ulama yang lahir di Terengganu ini sama-sama terlibat dalam meluluskan undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang dibuat oleh Sultan Zainal Abidin III pada tahun 1329H/1911M yang diberi judul *Itqa al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk*.<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup> Muhamad Abu Bakar, "Gabungan Ulama Intelektual Dan Gerakan Islam Semasa," MEDIUM (Majalah Elmiyah Akademi Islam Universiti Malaya), Tahun 1, Bil. 1, Muharram 1409/September 1988, Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal. 16.

<sup>6</sup> Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu, Kuala Lumpur, Jabatan Cetak Kerajaan. Lihat lampiran V dan VI.

Jika diperhatikan kepada mereka yang menandatangani 'Constitution of 1911', kelihatan yang terlibat sama ialah golongan Ulama, seperti Tukku Sayyid Paluh dan beberapa orang lagi. Ulama-ulama yang menjadi ahli Majlis negeri ini adalah di antara ulama-ulama yang mempunyai pengaruh besar dalam pentadbiran seperti Qadi dan Mufti.

Belaran "Syeikhul Ulama" kepada Tuk Syeikh Duyung meletakkan beliau sebagai orang yang paling kanan dalam pentadbiran agama Islam mengikut tertib selepasnya ialah Mufti dan "Syeikhul Islam". Penglibatan dalam pentadbiran seterusnya diwarisi oleh keturunan beliau. Antaranya Y.B. Haji Abd. Rahman bin Long (Dato' Perba Diraja), bekas Kadi Besar Terengganu dan Pengerusi Jemaah Pangkuan Negeri, Allahyarham Haji Wan Long bin Ahmad (Dato' Sansara Pahlawan) bekas pegawai Tadbir Negeri, pernah menjadi Hakim dan Ahli Jemaah Pangkuan Negeri, Allahyarham Wan Abdullah bin Sulaiman (Dato' Bija Sura Diraja) bekas setiausaha Kerajaan Negeri dan Pengerusi Jemaah Pangkuan Negeri dan Datuk Haji Wan Abdul Manan bin Haji Wan Yaacob, bekas Mufti kerajaan Negeri Terengganu.

Tuk Syeikh Duyung mengikut keterangan yang diperolehi adalah seorang yang wara. Beliau begitu mengambil perhatian berat kepada keluarganya terutama dalam masalah perkahwinan. Beliau hanya membenarkan perkahwinan anak-anaknya dengan keturunan yang sama demi menjaga hubungan darah dan bagi mengelakkan harta pusaka jatuh ketangan orang luar. Mereka hidup setempat di rumah yang bersambung-sambungan. Anak-anak buah beliau tidak dibenarkan bergaul bebas dengan masyarakat luar.

Cara hidup keluarga beliau seolah-olah menampakkan wujudnya jurang sosial di kalangan masyarakat setempatnya. Ini mungkin kerana beliau terlampau menjaga keturunan beliau dari dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif dari luar. Memandangkan beliau adalah orang Kenamaan dan dihormati oleh masyarakat. Keluarga Tuk Syeikh Duyung lebih dikenali oleh penduduk tempatan sebagai "orang atas Rumah". Segala urusan harian dilakukan oleh orang suruhan atau orang yang mengambil upah bekerja dengan keluarga ini. Satu peninggalan keluarga ini di Pulau Duyung Kecil di samping masjid yang telah didirikan semula di tapak asal ialah yang dipanggil "Kota" oleh penduduk tempatan. Kota ini berbentuk empat segi panjang seolah-olah pagar melingkungi kediaman keluarga ini. Kota ini sebenarnya didirikan oleh Datuk Bija Sura Diraja. Malangnya kota itu telah rosak. Di lihat dari binaan kota ini menunjukkan keluarga Tuk Syeikh Duyung ini mengamalkan cara hidup bangsawan dan mewah hidupnya. Kalau dulu Tuk Syeikh Duyung berpindah ke Pulau Duyung setelah merasakan dirinya telah mencapai martabat kealiman dan menghindari diri dari pengaruh keduniaan (zuhud), tetapi keadaan berbeda berlaku pada keturunan beliau kemudiannya. Walau bagaimanapun cara hidup bermewah tidak menjadi kesalahan dalam Islam selagi suruhan dan tegahan serta amalan Islam diikuti. Menurut Ustaz Fauzi Awang, pensyarah Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya menyatakan bahawa pengamalan 'zuhud' yang sebenarnya ialah "tidak melebihkan dunia dan tidak meninggalkan dunia semata-mata untuk akhirat atau seperti contoh perbelanjaan hendaklah sekadar kemampuan dan tidak berlebih-lebih atau berpadanan dengan apa yang ada tanpa meninggalkan suruhan dan tegahan agama."

Berdasarkan riwayat hidup Tuk Syeikh Duyung yang telah melalui beberapa peringkat pemerintahan iaitu bermula dari Sultan Baginda Omar, Sultan Ahmad II dan Sultan Zainal Abidin III, beliau bukan sahaja terlibat dalam perkembangan pengajian keislaman dan kerohanian di Terengganu, tetapi juga berpengaruh dalam pemerintahan dan pentadbiran Agama Islam Negeri Terengganu. Oleh yang demikian beliau bolehlah dikatakan sebagai tokoh ulama yang dapat menginterpretasikan Islam dalam kehidupan manusia. Beliau adalah tokoh agama dan birokrasi Negeri Terengganu.

## 5.2 Saranan

1. Ulama-ulama Islam yang lahir di kalangan masyarakat kita perlu dihormati dan diikuti kerana mereka adalah 'pewaris para Nabi' yang menggantikan tugas Rasul menyampaikan kebenaran kepada manusia berdasarkan Al-Quran dan Sunnah Rasul-Nya.
2. Para Ulama seharusnya menyedari peranan mereka sebagai 'pewaris para Nabi-nabi'. Mereka bukan sahaja sebagai pembangun kerohanian melalui pengajaran agama Islam, tetapi juga sebagai orang yang dapat mempengaruhi corak pentadbiran dan pemerintahan secara Islam. Sabda Rasulullah saw.:

الْعُلَمَاءُ وَمَبْلَغُ الْأَرْضِ وَخَلْفَاءُ الْأَنْبِيَاءِ وَوَرَثَتِي  
 وَوَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ  
 - رواه ابن عدي -

Ertinya:

" Para Ulama itu adalah sebagai pelita ( suluh, obor ) di permukaan bumi ini, sebagai pengganti para Nabi-nabi, dan sebagai waris saya , dan sebagai pewaris para Nabi."

(H.r.Ibnu 'Ady dari S.Ali r.a.)

العلماء ورثة الأنبياء

رواه ابن الجار

Ertinya:

" Para Ulama itu adalah pewaris Nabi-nabi."

(H.R.Ibrun Najjar, dari Anas ra., Hasan)

3. Perlunya ada kerjasama di antara Ulama-ulama dengan Umara' dalam membangunkan ummah, caranya seperti memperluas dan mempertingkatkan tugas jabatan Agama Islam sehingga merangkumi bidang-bidang pembangunan fizikal.

4. Ulama seharusnya seorang yang berwibawa. Mereka hendaklah berpendirian tegas dalam menyelesaikan masalah yang timbul di kalangan masyarakat terutama yang mengenai Agama Islam dan juga umat agar mereka tidak lagi dipertikaikan.

5. Ulama juga harus menyedari bahawa mereka sentiasa diperhatikan oleh musuh Islam dalam usaha melemah dan menjatuhkan umat Islam. Mereka memainkan perasaan sentimen, provokasi dan meminta belas kasihan

serta simpati. Oleh yang demikian sebarang tindakan, sikap dan perbuatan yang boleh menimbulkan kekerohan, kekeliruan dan persengketaan di kalangan ulama adalah akan menguntungkan musuh Islam. Oleh kerana itu ulama mesti bersatu dalam memberi pendapat.

6. Para Ulama harus diberi tempat yang sewajarnya dan bukan hanya bergiat dalam pendidikan sahaja. Mereka harus memaksimumkan peranan mereka di tempat yang sepatutnya agar mereka dapat berfungsi dengan betul. Feningkatan taraf Mahkamah Syariah di negara ini yang sepatutnya dilaksanakan lebih awal dapat memenuhi tanggungjawab ulama dan bidang kuasa mereka di tempat yang sewajarnya.

7. Para Ulama harus saling bantu membantu dan hormat menghormati antara satumsama lain dan bukannya cuba merendah-rendahkan yang lain.

8. Dalam peroses pembentukan akhlaq muslim harus bermula di rumah. Suasana keislaman harus bermula di dalam keluarga. Anak-anak tidak di biarkan bebas bergaul. Ini perlu kerana persekitaran cepat mempengaruhi perlakuan anak-anak. Walau bagaimanapun pengawalan yang terlampau ketat terhadap anak-anak boleh menyebabkan jiwa mereka memberontak. Jadi ibu-bapa haruslah menyelami perasaan anak-anak mereka, berbincang dengan baik dan saling hormat menghormati ketika menghadapi situasi sedemikian.

9. Institusi-institusi pengajian tinggi harus menjadikan bidang penterjemahan sebagai suatu krusus yang khas kerana dilihat dari segi

kepentingannya. Bidang penterjemahan sama ada dalam bahasa Arab atau Inggeris dapat memperkayakan bahasa dan memahirkan penterjemah dalam penguasaan bahasa yang lebih baik di samping menambahkan lagi bilangan buku-buku yang bermutu terutama buku-buku Islam.

10. Pengkajian sejarah Ulama-ulama silam hendaklah dilakukan oleh pusat-pusat pengajian tinggi dan persendirian. Kajian ini penting kerana dari sejarah mereka kita dapat membuat penilaian dan perbandingan dengan apa yang berlaku hari ini. Lagi pun Al-Quran sendiri melihat sejarah manusia dalam bentuk selektif, iaitu Allah memihak kepada orang-orang yang bertakwa dan membuat amal kebajikan. Firman Allah dalam surah al-Nahl ayat 128 yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang bertakwa dan orang-orang yang berbuat kebaikan." Ayat-ayat al-Quran selalu mengingatkan manusia bahawa keadaan dan suasana alam sering berubah bagi tujuan melihat dan menduga sejauh mana keimanan, kesabaran dan keteguhan perjuangan mereka. Tambahan pula manusia dan masyarakat merupakan faktor esasi bagi persejarahan Islam.

11. Permodenan yang lebih mengarah kepada pembaratan dan sekularisasi adalah menjadi faktor asas yang bertanggungjawab kepada pemisahan ulama daripada pembangunan fizikal. Pembangunan yang berasaskan sekularisma telah melenyapkan fungsi ulama kerana mereka dianggap jahil dan dikira batu penghalang. Apakah reaksi ulama dalam soal ini? Benar atau tidak bergantung kepada kemampuan dan kewibawaan ulama sendiri sebagai intelektual Islam yang mempercayai dan menyakini kesyumulan Islam.

Rumusan dan saranan seperti yang dikemukakan di atas adalah hasil pengamatan penulis kepada perjalanan hidup dan pengalaman seorang tokoh agama Negeri Terengganu iaitu Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd. Amin atau lebih dikenali sebagai "Tuk Syeikh Duyung". Penulis merasakan fungsi atau peranan ulama-ulama silam lebih luas dan bertanggung-jawab kepada agama Islam. Mereka lebih bebas dan berani mengeluarkan pendapat tanpa dipengaruhi oleh pemerintah ataupun kebendaan. Mereka berpendirian tegas dan penuh kewibawaan dalam mempertahankan kebenaran. Kerana tergelincirnya ulama dari kebenaran bererti tergelincirnya seluruh ummat dan agama-Nya. Rasulullah saw. pernah bersabda berhubung dengan ulama yang menjadi penjilat kepada pemerintah yang mengorbankan keyakinannya (munafik) demi untuk mendapatkan sesuatu tujuan, sabdanya:

وَقُلْ لَأُتَىٰ مِنْ عُلَمَاءِ السُّورِ، يَتَّخِذُونَ هَذَا الْعِلْمَ  
تِجَارَةً يَبِيعُونَهَا مِنْ أُمَرَاءِ زَمَانِهِمْ رِجَالًا لَأَنْفُسِهِمْ  
لَا أَرْجِعُ اللَّهُ بِجَارَتِهِمْ

- الماتم -

Ertinya:

"Kecelakaan adalah bagi ummatku dari (akibat perbuatan) Ulama yang jelek (jahat), mereka memperdagangkan ilmu ini, mereka sama menjualnya kepada para Penguasa (Raja) di masa mereka dengan maksud untuk keuntungan diri mereka sendiri. Semoga Allah tidak memberi keuntungan pada perdagangan mereka itu."

(H.R. Hakim dalam Tarikhnya, dari Annas ra.)



Diharapkan segala saranan di atas sekurang-kurangnya dapat membantu golongan ulama memulihkan kembali kedudukan mereka di tempat yang benar-benar strategik bagi memenuhi tuntutan bahawa para Ulama adalah "Pewaris kepada Nabi-nabi" yang menggantikan tugas Rasul menyinari dunia ini dengan cahaya al-Quran dan Sunnah Rasul-Nya.